

09 MAR 1998

MAJLIS PENUTUPAN SUKMA KETUJUH AWAL SEHARI

SHAH ALAM, 9 Mac (Bernama) -- Tempoh temasya Sukan Malaysia (Sukma) ketujuh tahun ini dipendekkan daripada sembilan hari yang dirancang sebelum ini kepada lapan hari sahaja.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar berkata upacara penutupan yang pada mulanya dijadualkan pada 27 April, akan dibuat sehari lebih awal kerana menghormati sambutan Awal Muharam pada 28 April.

"Perkara itu kita putuskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pengelola Sukma yang saya pengerusikan pagi ini," katanya pada sidang berita di bilik mesyuarat bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pagi ini.

Menurutnya upacara perasmian akan dijalankan oleh Pemangku Sultan Selangor pada 18 April di Stadium Shah Alam sebagaimana yang telah dijadualkan sebelum ini manakala acara penutupan akan dilaksanakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

AZH NMO